

12/03/2000

Bumiputera jadi penentu nasib sendiri

Syed Akbar Ali

DALAM ucapan dasarnya kepada golongan professional Bumiputera baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati Bumiputera lebih berdikari dan meningkatkan keupayaan mereka untuk bersaing di pasaran bebas tanpa terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.

Selepas 30 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), negara kita mempunyai ratusan ribu Bumiputera yang mempunyai cukup pengalaman, pendidikan dan kebolehan untuk menceburi semua bidang industri, teknologi dan ekonomi. Tetapi kebanyakan mereka masih berminat untuk makan gaji saja dengan orang lain ataupun bergantung sangat kepada bantuan kerajaan untuk menjalankan perniagaan dan usahaniaga mereka.

Usahawan kaum lain sudi menanggung risiko dan sudi berusaha dengan sungguh-sungguh untuk menjayakan sesuatu perniagaan atau perusahaan. Aneh sekali usahawan itu pula bergantung rapat kepada Bumiputera sebagai sumber tenaga kerja dan pengurusan dan juga sebagai pasaran untuk produk dan hasil keluaran mereka. Oleh kerana 60 peratus daripada bilangan penduduk kita (sebanyak 22 juta) terdiri daripada Bumiputera maka tanpa pembabitan Bumiputera ia akan merumitkan kebanyakan usaha ekonomi dalam negara ini.

Malangnya walaupun demikian, kebanyakan usahawan Bumiputera masih bergantung kepada kerajaan apabila mereka hendak menceburi perniagaan dan perusahaan. Mereka tidak rela menjejak kaki untuk bersaing di pasaran bebas.

Kerap kali soalan yang ditimbulkan oleh pengusaha Bumiputera di persidangan, kongres ekonomi dan sebagainya berkisar mengenai kekurangan bantuan daripada jabatan kerajaan tertentu, kegagalan mendapat tender atau kontrak daripada kerajaan, masalah dengan prosedur kerajaan dan sebagainya. Semuanya bergantung kepada kerajaan.

Hampir semua orang setuju bahawa DEB itu amat perlu untuk seimbangkan semula rakyat kita supaya tidak lagi wujud jurang perbezaan antara kaum yang boleh menghancurkan keharmonian penduduk dan negara kita. Semua orang juga setuju bahawa dalam 30 tahun ini, DEB berjaya mengatasi masalah jurang perbezaan ekonomi dengan jayanya.

Tetapi ia tidak menjadi hasrat sesiapa pun untuk mengekalkan golongan usahawan Bumiputera sebagai satu kaum yang akan bergantung kepada bantuan kerajaan untuk selama-lamanya. Ia tidak menjadi hasrat sesiapa pun untuk mewujudkan satu kaum yang akan terus mengharap tender kerajaan, kontrak, lesen dan subsidi untuk selama-lamanya.

Falsafah DEB dan bantuan kerajaan bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada Bumiputera supaya mereka dapat membangkitkan keupayaan dan semangat berdikari dan tidak perlu bergantung lagi kepada sesiapa untuk berjaya.

Malangnya disebabkan kerajaan sendiri yang mengamalkan dasar memberi bantuan tanpa had, maka kebanyakan usahawan Bumiputera tidak mahu melepaskan diri daripada menjadi anak susuan kerajaan.

Misalnya dalam hal membeli rumah, kita mendapati pembeli rumah mewah banglo pun mendapat diskaun harga rumah 5 peratus dikhaskan untuk Bumiputera. Sebenarnya diskaun 5 peratus harga rumah itu bertujuan untuk menolong Bumiputera yang berpendapatan rendah menjadi pemilik rumah. Bagi orang yang memang sudah kaya, perlukah mereka diberi subsidi 5 peratus itu lagi?

Seperti Dr Mahathir tegaskan, Bumiputera zaman ini tidak kekurangan dari segi pendidikan, kemahiran atau pengalaman. Sebenarnya paling ramai sekali

Bumiputera yang rela kerja makan gaji untuk menjayakan perusahaan dan perniagaan orang lain. Tanpa pembabitan Bumiputera, perniagaan dan perusahaan orang lain pun akan terbantut. Yang nyata sekali ialah tanpa pembabitan Bumiputera sebagai pembeli dan pengguna, seluruh ekonomi kita akan terjejas.

Dalam ertikata lain, Bumiputera mempunyai potent force atau kuasa terpendam sebagai penentu dalam semua aspek kegiatan ekonomi dalam negara kita.

Dalam ekonomi dan perniagaan, Bumiputera sekarang menduduki dua pelusuk yang paling ekstrim. Pada satu pihak Bumiputera berjaya menguasai syarikat gergasi dengan bantuan kerajaan yang sanggup beroperasi dalam pasaran negara dan juga pasaran antarabangsa. Pada pihak yang lain banyak Bumiputera menjadi peniaga kecil menjual nasi lemak dan pisang goreng di kaki lima. Tetapi Bumiputera masih jauh ketinggalan dalam perusahaan dan perniagaan di antara dua ekstrim ini.

Misalnya Menara Kembar KLCC, iaitu bangunan yang tertinggi di dunia dikendalikan oleh Bumiputera. Tetapi yang menyedihkan ialah selain daripada warung nasi dan perniagaan kecil, hampir tiada usahawan Bumiputera yang menjadi tuan punya kedai di Suria KLCC, iaitu kompleks beli-belah yang canggih di Menara Kembar KLCC itu.

Begitu juga sesudah 43 tahun kita merdeka, tidak ada satu pun kedai beli-belah ternama di Jalan Tuanku Abdul Rahman dimiliki Bumiputera. Setakat ini Bumiputera hanya berniaga secara kecil kecilan di lorong dan bazaar.

Oleh kerana kerajaan selalu rela untuk membantu Bumiputera, kita perlu adakan satu rancangan yang khusus untuk mewujudkan peniaga Bumiputera saiz sederhana dan saiz besar di kawasan pusat beli-belah seperti di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Dan yang paling penting sekali ialah kita mesti wujudkan peniaga Bumiputera yang boleh bersaing dengan kaum lain tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan untuk selama-lamanya. Ini bukan perkara mustahil untuk dilakukan sebab kebanyakan perniagaan di Jalan Tuanku Abdul Rahman misalnya, bergantung kepada pembeli dan pengguna Bumiputera juga.

Ia tidak memadai jika peniaga Bumiputera hanya memiliki warung gunting rambut atau bazaar kecil menjual kain dan tudung. Sudah sampai masanya untuk kaum Bumiputera mula kendalikan perniagaan runcit dan borong secara besar besaran. Satu teras yang demikian, dengan sendirinya akan mencetuskan pembabitan usahawan Bumiputera dalam lebih banyak lagi perniagaan dan perusahaan secara besar besaran.

Dasar memberi bantuan tanpa had ini juga menimbulkan masalah lain bagi kerajaan dari segi politik dan pilihan raya. Dalam masa kegawatan ekonomi kerajaan tidak sanggup untuk membelanjakan wang dengan sewenang-wenangnya. Maka terpaksa ditanggungkan bantuan kerajaan kepada kumpulan yang tertentu ataupun kepada semua golongan yang dulu pernah menerima bantuan.

Kesannya ialah orang yang mengharapkan bantuan kerajaan akan kecewa dan akan mengundi orang lain pula. Pada pilihan raya yang baru berlalu, kita melihat ramai Bumiputera melafazkan ketidakpuasan hati dengan mengundi parti parti lawan.

Mengikut seorang ahli politik, ada sebuah kampung di Kedah yang dulu tidak mempunyai bekalan elektrik, air, jalan, sekolah atau klinik. Kemudian kerajaan membelanjakan begitu banyak wang untuk menyediakan segala jenis infrastruktur termasuk hospital, jalan, sekolah, masjid dan sebagainya. Tetapi pada waktu pilihan raya kampung ini mengundi parti lawan pula.

Masalahnya ialah penduduk kawasan itu sudah begitu muak menerima bantuan yang tidak putus putus daripada kerajaan sehingga mereka terlupa untuk bersyukur dan berterima kasih. Mereka tidak berupaya untuk memahami pengorbanan dan usaha yang terpaksa dibuat oleh kerajaan untuk menyediakan

segala kemudahan bagi mereka.

Maka apabila tiba parti lawan yang menjanjikan gunung dan bintang dan pintu syurga beserta dengan fitnah yang sungguh lazat ianya paling mudah bagi mereka untuk membelakangkan sumber kekayaan mereka. Harapan mereka ialah jika parti lawan pula memerintah, mereka akan diberi hadiah lebih lumayan. Semua ini adalah berpunca daripada ketidakupayaan mereka untuk berdikari. Semuanya mereka dapat secara percuma.

Apa yang perlu ialah Bumiputera membangun dan menjadi penentu nasib mereka sendiri. Pada masa dulu kanak-kanak sekolah diajar peribahasa rezeki secupak tidak akan menjadi segantang. Kita tidak lagi mengajar unsur-unsur daif seperti ini kepada kanak-kanak sekolah tetapi malangnya di kalangan ulama mereka masih menumpu terlalu banyak perhatian kepada soal takdir, rezeki dan sebagainya.

Allah berfirman: "...Allah tidak mengubah apa yang di dalam satu kaum sehingga mereka mengubah apa yang di dalam diri mereka sendiri..." (Surah 13: 11).

Allah menyuruh kita selalu berusaha untuk membaiki diri kita sendiri. Barulah kita akan dirahmati dengan pertolongan daripada-Nya.

Ulama pula suka menakutkan kita dengan kisah takdir, rezeki secupak dan sebagainya. Mungkin ini tidak lain daripada marketing strategy sebahagian ulama supaya kita akan terus bergantung kepada mereka untuk air jampi, doa makbul dan nasihat panduan untuk berjaya dalam hidup. Yang paling jelas sekali ialah banyak ulama yang bergantung kepada masyarakat penakut seperti ini untuk periuk nasi mereka sendiri. Memegang kepada maklumat palsu dan mengikuti pegangan palsu tidak akan membawa kita ke mana mana.

Kita sekarang berada dalam alaf baru - New Millennium - dengan Y2K, abad ke-21 dan segala riuh pikuk yang mengiringinya. Suka atau tidak, setuju atau tidak kita tidak boleh asingkan diri dari arus perdana ini kecuali kita ingin tetap ketinggalan zaman. Usahawan Bumiputera perlu mengambil langkah berani untuk melancarkan diri ke alam persaingan bebas tanpa bergantung sangat kepada sesiapa pun. Percayalah atas kebolehan diri kita sendiri.

(END)